

Ruj. Tuan / Your Ref. :

Ruj. Kami / Our Ref. :

30 Disember 2020

Semua Pemegang Lesen MPOB

Tuan,

**SURAT KEBENARAN PERJALANAN UNTUK MEMBELI, MENJUAL DAN MENGALIH
KELUARAN KELAPA SAWIT DI DAERAH BARAT DAYA (MUKIM 12) & TIMUR LAUT
(MUKIM 13), PULAU PINANG SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) 1 – 14 JANUARI 2021**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2 Berikutan dengan pengumuman kerajaan untuk melanjutkan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di daerah Barat Daya (Mukim 12) serta Timur Laut (Mukim 13), Pulau Pinang sehingga 14 Januari 2021, kegiatan sektor ekonomi, industri dan perniagaan dibenarkan beroperasi seperti biasa namun perlu mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) ketat yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Sehubungan itu, perjalanan keluar dan masuk dari atau ke daerah – daerah yang dilaksanakan PKPB tuan perlu menunjukkan surat ini kepada pihak berkuasa (Polis, Tentera, Majlis Tempatan dan lain-lain) sebagai surat kebenaran untuk menjalankan operasi (membeli, menjual dan mengalih) keluaran kelapa sawit.

3. Di samping itu, tuan juga dikehendaki menunjukkan salinan lesen MPOB yang dimiliki ataupun sebarang dokumen pengalihan keluaran kelapa sawit dari pihak penjual dan pembeli (seperti MPOB L3 atau arahan penyerahan buah kelapa sawit yang ditandatangani pekebun kecil) kepada pihak berkuasa berkenaan. Dipohon kerjasama daripada pihak tuan dalam memastikan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan segala arahan MKN dipatuhi sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



DR. AHMAD PARVEEZ HJ GHULAM KADIR
Ketua Pengarah